

17/03/2001

Pemimpin komponen BN akur pelantikan KM baru

an; Rocky Mabin; Siti Nor Azizah Talata; Thaddius Unnip
KOTA KINABALU, Jumaat - Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah akur dengan pelantikan Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru dan berjanji untuk memberikan sokongan dan kerjasama.

Mereka yakin Chong mampu menerajui kepemimpinan Sabah secara berkesan berdasarkan pengalamannya menganggotai Kabinet Persekutuan dahulu.

Setiausaha BN Sabah, Datuk Karim Bujang berkata, keputusan itu dialukan dan parti komponen BN akur terhadap pelantikan yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyifatkan Chong sebagai pilihan terbaik, beliau berkata parti komponen BN Sabah sudah memberi mandat kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan dan ia bukan sesuatu yang mengejutkan.

"Ketua Menteri perlu diberikan sokongan dan kerjasama sebagaimana diberikan kepada Ketua Menteri sebelum ini, supaya Sabah terus mencapai kemajuan setanding negeri lain," katanya.

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee, berkata partinya menyokong Chong sebagai Ketua Menteri baru dan berharap semua pihak termasuk parti komponen BN negeri lain, melakukan tindakan sama.

Menurutnya, apa yang penting adalah kerajaan Sabah perlu kuat dan agenda pembangunannya dapat diteruskan.

Pengerusi MIC Sabah, V Jothi berkata, parti itu akan memberi kerjasama penuh kepada Chong demi meneruskan kesinambungan pembangunan di negeri ini.

"Pelantikan itu sekali gus membuktikan BN tetap menunaikan janji sebagaimana yang terkandung dalam manifesto pilihan raya negeri sebelum ini," katanya.

Menurutnya, pihaknya akan terus menyokong sesiapa saja yang dilantik menjadi Ketua Menteri di negeri ini daripada kalangan pemimpin BN kerana hanya parti itu saja mampu membawa pembangunan di Sabah.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Tan Sri Joseph Kurup berkata, pihaknya akan terus memberi sokongan kepada kepemimpinan Chong untuk menerajui Sabah sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru.

Pada masa sama, beliau turut menekankan bahawa masyarakat Kadazandusun di Sabah sedia berganding bahu dalam semua aspek khususnya yang berkaitan dengan pembangunan Sabah.

Joseph juga berharap agar kerajaan negeri pimpinan Chong akan meneruskan kesinambungan pembangunan negeri yang sebelum ini dilaksanakan oleh bekas Ketua Menteri sebelum ini.

Sementara itu, Timbalan Presiden PBRs, Datuk Dr Jeffrey Kitingan dalam kenyataannya berkata, pemilihan Chong itu adalah pilihan terbaik.

"Saya percaya Perdana Menteri membuat satu keputusan bijak. Saya pasti beliau berupaya bertindak sebagai Ketua Menteri yang baik," katanya.

Timbalan Setiausaha Agung Pertubuhan Momogun Rungus Sabah (Samora), George Daang, menyifatkan pelantikan itu kena pada waktunya, dan yakin Chong dapat memainkan fungsi secara berkesan membantu membangunkan daerah terpencil seperti Kudat.

"Justeru, pelantikan Chong yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kudat itu amat bermakna kepada penduduk daerah terbabit yang masih memerlukan perhatian kerajaan untuk dibangunkan," katanya.

Menurutnya, penduduk Kudat terutama Rungus berharap Chong dapat membantu mereka mengubah corak hidup terutama dari segi ekonomi sewaktu menyandang jawatan Ketua Menteri itu, kelak.

Katanya, sebahagian besar penduduk Rungus yang tinggal di Kudat, Kota Marudu and Pitas perlu perhatian kerajaan, kerana mereka tergolong di kalangan keluarga miskin.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman, turut mengalu-alukan pelantikan Chong dan menyifatkannya sebagai pemimpin berwibawa yang mampu menerajui kepemimpinan Sabah secara berkesan.

"Beliau pemimpin berpengalaman luas dan saya yakin Chong dapat memaju pembangunan negeri di alaf baru ini," katanya.

Menurutnya, penerusan sistem penggiliran itu membuktikan Perdana Menteri komited kepada janjinya kepada orang di Sabah.

Ketua Umno Bahagian Tuaran, Datuk Hajiji Mohd Noor, turut mengalu-alukan pelantikan Chong sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru dalam meneruskan sistem penggiliran jawatan itu yang diperkenalkan BN di Sabah.

"Siapapun yang dilantik menjadi Ketua Menteri yang baru, wajar diberikan sokongan dan kerjasama dalam memastikan pentadbiran negeri ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Justeru, penduduk di negeri ini termasuk pemimpin politik tidak seharusnya mempersoalkan siapa yang dilantik untuk meneruskan tugas Ketua Menteri itu," katanya.

Menurut beliau, apa yang baik untuk kerajaan adalah baik juga kepada penduduk dan negeri ini dalam memastikan rancangan pembangunan yang dirancang di Sabah berjalan lancar.

(END)